

DURI DALAM DAGING SINGAPURA DALAM MALAYSIA. Oleh Nik Anuar Nik Mahmud. 2001. Persatuan Sejarah Malaysia Kuala Lumpur. ISBN 983-2140-05-6.

Buku bertajuk ‘Duri dalam Daging Singapura dalam Malaysia’ ini adalah hasil tulisan Dr. Nik Anuar Nik Mahmud. Dalam buku ini terkandung kisah pencejahan Singapura sejak zaman kerajaan Temasik diperjelaskan dengan terperinci. Sejarah kewujudan Singapura begitu jelas dengan fakta-fakta sejarah yang dikemukakan oleh penulis bersama-sama sokongan bukti kukuh melalui rujukan ilmiah. Selain itu, isi kandungan buku ini mempunyai isu-isu yang tersirat dan tersurat. Namun pemilihan tajuk menggunakan perbahasa ‘Duri dalam Daging’ yang berbentuk sindiran yang agak halus dan mendalam. Malah, tajuk ‘Singapura dalam Malaysia’ dapat memberikan bayangan kepada pembaca apakah isi kandungan dalam buku ini. Dari segi pemilihan tajuk yang dipilih adalah kombinasi yang baik bersesuaian dengan penceritaan di dalam buku ini.

Selain itu, penulisan dalam buku ini banyak melibatkan berbagai-bagai politik yang terlibat dalam tempoh masa tersebut. Penulis telah menyenaraikan senarai singkatan nama parti politik dengan nama penuh serta singkatan bagi memudahkan khalayak pembaca. Penulis menggunakan ayat yang mudah difahami oleh semua lapisan masyarakat. Malah, penulis menggunakan bahasa yang selalu dibaca dan diketahui maknanya oleh khalayak pembaca. Hal ini demikian kerana, patah perkataan dalam bahasa Melayu tidak menyukarkan untuk difahami melalui setiap maklumat yang disampaikan penulis.

Namun begitu, bahan bacaan ini sesuai dibaca oleh individu berusia 18 tahun ke atas kerana isu yang diketengahkan di dalam buku ini memberikan fokus terhadap sejarah tentang politik. Malah, isu yang disampaikan agak keras dan tentang sejarah dan perjalanan politik lampau tentang Tanah Melayu dan Singapura. Walau bagaimanapun, dari aspek pengetahuan sejarah buku ini boleh dijadikan rujukan kepada individu di bawah usia 18 tahun di bawah pemantauan orang dewasa dalam mengawal bahan bacaan agar tidak melibatkan aspek politik.

Kemudian, isi kandungan buku ini mengandungi sebanyak lapan isi penting hasil penulisan yang padat dengan maklumat penting tentang struktur peristiwa yang berlaku dan diketengahkan. Selain itu, penulisan dalam buku ini disertakan fakta yang padat dan jelas seperti tarikh kejadian, siapa yang terlibat juga lokasi berlakunya sesuatu peristiwa. Hal ini bagi memudahkan khalayak pembaca mengetahui fakta yang sah dan sahih dari aspek sejarah dan politik yang dibawakan melalui penulisan buku ini.

Selain itu, terdapat banyak petikan dan artikel berbahasa Inggeris yang tidak diterjemahkan, kenyataan-kenyataan berbahasa Inggeris yang perlu difahami serta diterjemahkan oleh khalayak pembaca. Di setiap tajuk kecil terdapat hampir separuh kenyataan dan ucapan yang ditulis dalam bahasa Inggeris tanpa terjemahan ke dalam bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana, khalayak pembaca di Malaysia lazimnya boleh menguasai bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua atau ketiga yang menjadi bahasa pengantar atau bahasa ilmu melibatkan global. Oleh yang demikian, artikel mahupun kenyataan seseorang dalam bahasa Inggeris boleh dimuatkan sama ada disampaikan melalui terjemahan ke dalam bahasa Melayu atau hanya menjadikan bahan serta petikan asal.

Oleh itu, kandungan keseluruhan buku ini menggunakan dua bahasa melibatkan bahasa Melayu sebagai bahasa penulisan utama dan bahasa Inggeris sebagai bahan bukti sejarah lalu. Melalui analisis didapati bahasa Inggeris digunakan dalam petikan dan artikel yang menjadi bahan untuk memperkuuhkan kenyataan serta huraian penulisan. Manakala, bahasa Melayu pula digunakan sebagai bahasa pengantar utama dalam penulisan buku ini. Dari aspek bahasa penulisan menggunakan bahasa baku atau bahasa Melayu standard yang baik untuk menyampaikan maklumat dengan tepat kepada khalayak pembaca. Di mana sasaran pembaca adalah rakyat Malaysia yang berusia 18 tahun ke atas.

Penulisan buku ini berkaitan peristiwa-peristiwa yang telah berlaku antara Malaysia dan Singapura sebelum kemasukan, semasa dan sewaktu Singapura keluar dari Malaysia. Di dalam buku ini dipaparkan kisah sejak zaman pensejarahan lagi, iaitu sewaktu zaman imperialisme oleh kuasa-kuasa asing seperti Inggeris dan Belanda di Tanah Melayu sebelum merdeka. Ia bermula dari ketuanan Melayu hingga ketuanan Inggeris terjadi kerana berlakunya masalah dalaman seperti perebutan takhta dan perang saudara di Tanah Melayu pada ketika itu. Di mana bermula apabila terdapat pihak yang melibatkan Inggeris untuk campur tangan bagi menyelesaikan sesuatu pertelingkahan tersebut.

Singapura asalnya adalah sebahagian daripada tanah jajahan kerajaan Melayu Johor-Riau, nama asalnya adalah Temasik dan merupakan sebuah perkampungan nelayan. Setelah kerajaan Melaka ditubuhkan, Temasik kekal sebagai tanah jahannya. Pada awal abad ke-19 Temasik di bawah tanggungjawab Temenggung Abdul Rahman. Ketika itu, Sultan Abdul Rahman Muazam Syah yang bersemanyam di Lingga adalah sultan kerajaan Melayu Johor-Riau. Tambahan pula, kepesatan pelabuhan Johor-Riau pada awal abad ke-19 telah berjaya menarik perhatian banyak kuasa-kuasa Eropah seperti Inggeris dan Belanda. Walau bagaimanapun, kedatangan kuasa barat telah mengancam perairan Johor-Riau-Lingga. Malah, Belanda telah lama bertapak di Riau sebaliknya Inggeris pula bertapak di Pulau Pinang.

Kemudian, setelah tamat perang Napoleon pada tahun 1815 pihak Kompeni Hindia-Inggeris mula mencari tapak baharu yang lebih strategik berbanding Pulau Pinang. Manakala, Temasik telah berjaya menarik perhatian Stamford Raffles (Leftenant Gabenor Bengkulu). Dalam pada itu, Kompeni Hindia-Inggeris telah berjaya bertapak dan menguasai Selat Melaka. Oleh itu, Stamford Raffles telah menjadikan Temasik sebagai pengkalan bagi Kompeni Hindia Timur Inggeris dengan membuat perjanjian bersama Temenggung Abdul Rahman dengan bayaran sebanyak 3,000 dolar Spanish manakala Sultan Hussain Mohammad Syah pula menerima sebanyak 5,000 dolar Spanish.

Akhirnya, Kompeni telah berjaya menguasai keseluruhan Temasik apabila perjanjian dimenterai antara pihak kompeni dengan Sultan Hussain Mohammad Syah dan Temenggung Abdul Rahman sebagai ganjaran Sultan Hussain Mohammad Syah telah diberi sebanyak 1,5000 dolar Spanish dan Temenggung Abdul Rahman telah diberi sebanyak 700 dolar Spanish. Oleh yang demikian, kuasa penuh diperoleh kompeni maka nama Temasik ditukar kepada nama Singapura. Hingga kini nama Singapura masih lagi kekal. Namun begitu, berlaku bantahan daripada pihak Belanda terhadap pendudukan Inggeris di Temasik kerana Belanda mengakui Temasik adalah hal Sultan Abdul Rahman yang mempunyai perjanjian dengan Belanda. Oleh itu, perjanjian Inggeris-Belanda telah dimenterai pada 24 Mac 1824. Kesan daripada perjanjian tersebut telah memisahkan kerajaan

Johor-Riau-Lingga kepada dua lingkungan kerajaan. Ia telah menjadikan kerajaan Melayu Johor di bawah pengaruh Inggeris dan Riau-Lingga di bawah kekuasaan Belanda.

Seterusnya, pada 2 Ogos 1824 Inggeris telah mendesak untuk menguasai sepenuhnya Singapura kecuali kediaman Sultan Hussain Mohammad Syah dan kediaman Temenggung Abdul Rahman. Oleh itu, setelah terpaksa menandatangani perjanjian persahabatan serta perikatan dengan kompeni maka Sultan Hussain Mohammad Syah diberikan ganjaran sebanyak 33,000 dolar Spanish serta bayaran bulanan sebanyak 1,300 dolar Spanish. Begitu juga dengan Temenggung Abdul Rahman yang dibayar sebanyak 26,800 dolar Spanish bersama bayaran bulanan sebanyak 700 dolar Spanish.

Pada tahun 1867 pula Singapura, Melaka dan Pulau Pinang telah diletakkan di bawah pentadbiran Negeri-Negeri Selat (NNS) yang berpusat di Singapura di bawah tanggungjawab seorang Gabenor. Selain itu, Singapura juga menjadi ibu pejabat Pesuruhjaya Tinggi British bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB). Tambahan lagi, ketika itu Singapura telah menuju pemerintahan sendiri apabila Tanah Melayu diserang oleh tentera Jepun pada 7 Disember 1941. Dalam tempoh 70 hari sahaja Singapura di dalam cengkaman pihak tentera Jepun dan menyebabkan Inggeris terpaksa berundur. Oleh yang demikian, Tanah Melayu dan Negeri-Negeri Selat (NNS) termasuk Singapura menjadi pusat pentadbiran tentera Jepun. Rentetan itu, nama Singapura juga telah ditukar kepada Syonan.

Selanjutnya, apabila perang tamat maka Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) telah berusaha untuk menggabungkan Singapura dengan Tanah Melayu gagal kerana Inggeris di bawah Malayan Unio telah menjadikan Singapura sebagai koloni Inggeris yang berasingan daripada Melaka dan Pulau Pinang. Oleh yang demikian, Singapura telah berkembang secara berasingan dalam politik, perlombagaan dan ekonomi.

Pada 2 April 1955, Pilihan Raya Umum (PRU) yang pertama telah diadakan di Singapura. Dalam pilihan raya tersebut Parti Buruh Bersatu telah memenangi 10 kerusi, PAP memenangi empat kerusi dan UMNO-MCA pula hanya memenangi tiga kerusi. Rentetan itu, David Marshall telah dilantik sebagai ketua menteri Singapura yang pertama. David Marshall seorang yang bersifat anti-kolonial dan enggan bertindak terhadap puak berhaluan kiri serta komunis.

Oleh yang demikian, Inggeris tidak memberi hak pemerintahan sepenuhnya kepada David Marshall dan segala hal ehwal kewangan dikawal oleh pihak kerajaan Inggeris sepenuhnya. Akhirnya, pada jun 1956 David Marshall telah meletak jawatannya dan pada 8 Jun 1956 pemangkunya Lim Yew Hock telah mengangkat sumpah menjadi ketua menteri yang baharu. Manakala, Sir William Goode pula telah dilantik menjadi Gabenor Singapura pada 11 Disember 1957. Oleh itu, pada 11 April 1956 perlombagaan baharu bagi Singapura telah dimenterai antara Lim Yew Hock dengan pihak Inggeris di London. Dewan Legislatif telah ditubuhkan melalui perlombagaan baru tersebut. Oleh itu, perlombagaan baharu itu diterima baik oleh rakyat Singapura kerana telah mengubah status Singapura daripada sebuah koloni kepada negara.

Selepas itu, pilihan raya pada Mei 1959 tidak disenangi oleh pemimpin Perikatan Tanah Melayu kerana kebangkitan PAP dianggap sebuah parti yang berpihak kepada komunis. Malah, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mengharapkan kemengangan SAP parti yang menjamin kedudukan

Melayu di Singapura juga Lim Yew Hock seorang Cina Peranakan yang sedia bekerjasama dengan UMNO. Manakala, PAP menyedari akan peluang parti tersebut menang dalam pilihan raya pada tahun 1959 maka Lem Kuan Yew memenuhi kempen pilihan raya dengan membebaskan tahanan politik yang berhaluan komunis. Lee Kuan Yew telah menemui Gabenor Sir William Goode dan mendesak Lim Chin Siong dan beberapa orang lagi dibebaskan. Selain itu, Lee Kuan Yew juga memberi jaminan bahawa jika mereka dibebaskan maka perlu bersetuju untuk menentang anasir daripada komunis.

Pada 30 Mei 1959, SAP telah kalah dalam pilihan raya tersebut dan dimenangi oleh PAP di bawah Lee Kuan Yew. Maka, Lim Yew Hock telah melepaskan jawatannya atas kemenangan Lee Kuan Yew yang telah dimaklumkan oleh Tun Abdul Razak tentang hasratnya untuk membebaskan tahanan politik berhaluan kiri. Namun begitu. Tun Abdul Razak tidak mahu terlibat dalam isu berkaitan pembebasan tersebut. Pada 3 Jun 1959, seramai lapan orang tahanan politik telah dibebaskan. Antaranya, adalah Lim Chin Siong, S. Woodhull, James Puthucheary dan Fong Swee Suan. Sebagai simbolik maka dua ekor burung merpati putih telah dilepaskan lambang kebebasan tahanan politik tersebut.

Oleh yang demikian, pada 4 Jun 1959 pula Lee Kuan Yew mula membentuk kerajaan baharunya. Lee Kuan Yew telah menjadi Perdana Menteri Singapura dan telah menukuhan sebuah Majlis Keselamatan yang melibatkan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu. Majlis itu dianggotai kerajaan Inggeris, Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura. Maka, Persekutuan Tanah Melayu diwakili oleh Menteri Dalam Negeri, Dr. Ismail Abdul Rahman. Walau bagaimanapun, lapan orang tahanan politik yang berhaluan kiri komunis telah dibebaskan tetapi ahli yang menyokong PAP masih belum berpuas hati. Malah, mereka mahu lebih ramai lagi tahanan politik berhaluan kiri yang lain turut dibebaskan. Hal ini menyebabkan, Lee Kuan Yew menjadi serba salah dan semakin tersepit. Oleh itu, Lee Kuan Yew bimbang tidak mendapat sokongan jika dia enggan melepaskan tahanan lain.

Selanjutnya, Lee Kuan Yew semakin terdesak apabila mendapat tekanna untuk membebaskan tahanan daripada Lim Yew Hock sejak tahun 1956 lagi. Keadaan Lee Kuan Yew semakin meruncing apabila Lim Chin Seong keluar daripada PAP dan menukuhan Barisan Sosialis pada Julai 1961. Berikutan itu, Lee Kuan Yew berpaling kepada Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj untuk membantunya mempertahankan PAP melalui percantuman Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura.

Kemudian, PAP telah menjadi harapan Inggeris kerana PAP sejak mula lagi memperjuangkan percantuman antara Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura. Dasar itu amat jelas sekali dalam dasar PAP yang bertajuk ‘Ke Arah Satu Negara Malaya’ yang telah diterbitkan pada 20 Julai 1959. Menurut PAP percantuman antara Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura adalah penting dalam membina sebuah negara Malaya. Lantaran itu, PAP menyedari akan hakikat Singapura sebagai sebuah pulau yang kecil yang tidak mempunyai hasil bumi seperti getah dan bijih timah. Malah, sumber air bersih yang digunakan Singapura datangnya dari Tanah Melayu. Hal ini demikian kerana, kemakmuran Tanah Melayu membolehkan Singapura menjadi sebuah pelabuhan enterpot.

Persekutuan Tanah Melayu, terutamanya Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj menyambut dingin dan tidak melayan hasrat Inggeris dan Singapura untuk bercamtum. Hal ini kerana, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj tidak mahu UMNO dianggap telah mengkhianati perjuangan bangsa Melayu. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj tidak mahu lebih ramai orang Melayu hilang kepercayaan terhadap UMNO, dalam pilihan raya 1959 UMNO telah tewas di Kelantan dan Terengganu. Di mana, penduduknya majoriti orang Melayu. Perkara ini berlaku kerana sikap tolak ansur dalam soal kerakyatan terhadap MIC dan MCA pada tahun 1957. Oleh itu, kenyataan terbuka daripada Lee Kuan Yew menyebabkan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj amat sensitive walaupun perkara ini telah dimaklumkan olehnya kepada Geoffrey Tory, Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur.

Selain itu, Tanah Melayu menganggap Singapura sebagai pusat gerakan komunis. Walaupun gerakan komunis di Tanah Melayu dapat dihapuskan tetapi komunis masih bebas bergerak di Singapura. Kekalahan SAP, iaitu parti pimpinan Lim Yew Hock yang anti komunis telah mengecewakan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj. Sekali gus, kepercayaan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj yang tipis terhadap parti PAP pimpinan Lee Kuan Yew yang dianggap beliau berhaluan komunis. Kedudukan PAP semakin tertekan kerana politik di Singapura telah mengubah reaksi kerajaan Tanah Melayu terhadap Singapura. Perpecahan dalaman berlaku lagi pada tahun 1960 apabila puak kanan dalam PAP yang dipimpin oleh Menteri Pembangunan, Ong Eng Guan yang mengakibatkan dia dipecat daripada PAP. Oleh itu, pada Disember 1960 Ong Eng Guan telah meletak jawatan dari menjadi wakil rakyat untuk kawasan Hong Lim.

Pada 23 April 1961, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj telah berbincang dengan Lee Kuan Yew bersama rombongan Kuala Lumpur tentang situasi politik di Singapura dan Gagasan Malaysia. Setelah berbincang dengan lebih lanjut, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj meminta Lee Kuan Yew menyiapkan kertas kerja berkaitan Gagasan Malaysia. Oleh itu, keputusan tersebut mengembirakan Lee Kuan Yew kerana prinsipnya ingin bergabung dengan Tanah Melayu menampakkan kejayaan.

Seterusnya, pada 27 Mei 1961 pula Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj telah membuat kejutan semasa berucap di Kelab Wartawan Asing di Singapura. Kenyataan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj telah mengejutkan PKM, hal ini kerana perkara tersebut adalah dasar jangka masa panjang PKM. Percamtuman antara Tanah Melayu dan Singapura akan memudahkan lagi PKM untuk menguasai Tanah Melayu. Pada 3 Jun 1961, Lim Ching Siong dan penyokong-penyeokongnya dalam kesatuan sekerja telah mengeluarkan kenyataan bagi menuntut kerajaan Inggeris memberikan hak pemerintahan penuh serta bertanggungjawab dalam hal ehwal keselamatan. Lim Ching Siong serta rakan-rakannya yang lain akan keluar daripada PAP.

Pada 17 Julai 1961, Lee Kuan Yew mengadakan pertemuan dengan Selkirk. Perpecahan yang berlaku dalam partinya membuatkan Lee Kuan Yew membayangkan bahawa kerajaannya hanya mampu bertahan selama tiga bulan sahaja kerana puak komunis di bawah pimpinan Lim Chin Siong akan mengambil alih pucuk pimpinan dengan Dr. Lee Siew Choh sebagai bakal Perdana Menteri. Dalam Pilihan Raya Anson, PAP melalui calonnya Mahmud Awang dikalahkan oleh David Marshall daripada Parti Pekerja. Situasi kekalahan tersebut telah meyakinkan Lim Chin Siong bahawa PAP telah kehilangan undi daripada orang Cina. Oleh itu, Lim Chin Siong juga

percaya jika usul kepercayaan dibawa ke Dewan Legislatif pasti usul tersebut akan ditolak oleh Lee Kuan Yew terpaksa melepaskan kuasa yang telah pun dipegang olehnya.

Selanjutnya, usul Gagasan Malaysia telah dibawa ke Parlimen oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj yang meminta persetujuan Parlimen secara prinsip terhadap konsep Gagasan Malaysia yang merangkumi 11 buah negeri. Ia melibatkan Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Borneo Utara dan Sarawak serta mengesahkan usaha kerajaan bagi menjayakannya. Namun begitu, PAP sama sekali telah membantah di Parlimen berkaitan percantuman tersebut kerana menganggap bahawa kepentingan Melayu akan ditetapkan.

Pada 4 November 1961, UMNO telah mengadakan Perhimpunan Agung Khas bagi membahaskan rancangannya berkaitan Gagasan Malaysia kerana beliau menganggap bahawa ini adalah masalah terbesar sejak Tanah Melayu memperoleh kemerdekaan. Oleh itu, beliau meminta ahli-ahli UMNO menyokong cadangan berkaitam penubuhan Malaysia tersebut. Oleh itu, rundingan London telah berlangsung pada 19 hingga 21 Disember 1961. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj telah bertemu dengan Perdana Menteri dengan Perdana Menteri British, iaitu MacMillan dalam rundingan tersebut. Mereka telah bersetuju untuk melantik Suruhanjaya Penyiasat bagi meninjau pandangan Borneo mengenai cadangan penubuhan Malaysia.

Parti pembangkang seperti Barisan Sosialis dan Parti Pekerja telah membantah pengumuman London mengenai penubuhan Malaysia. Kedua-dua parti tersebut memainkan peranan yang penting dalam bantahan tersebut kerana dua parti ini menganggap rancangan penubuhan Malaysia berlawanan dengan tujuan rakyat bagi menuntut kemerdekaan penuh Singapura. Tindakan pemimpin sosialis dan komunis berkaitan bantahan penubuhan Malaysia amat membimbangkan Lee Kuan Yew. Pada 14 Mei 1962, Lee Kuan Yew telah berbincang dengan setiausaha bagi Tanah Jajahan dengan mencadangkan sebelum penubuhan Malaysia supaya tindakan terhadap tokoh parti pembangkang diambil dan menghantar pulang mereka di Tanah Melayu.

Selain itu, cadangan untuk menghantar pulang Sydney Woodhull, Fong Swee Suan dan Dominic Puthucheary akan dihantar ke Tanah Melayu bagi mendapat persetujuan Pejabat Tanah Jajahan. Malah, sikap berlengah Inggeris telah menyebabkan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj beranggapan bahawa Inggeris mempunyai muslihat di Singapura.

Pada awal Disember 1962 satu pemberontakan telah tercetus di Brunei. Parti pembangkang telah memberi sokongan terhadap pemberontakan tersebut serta mendakwa bahawa cadangan Malaysia telah ditolak oleh rakyat Brunei. Oleh itu, pada 13 Disember 1962 satu mensyuarat tergempar telah diadakan di Singapura. Antara yang hadir adalah Selkirk, Lee Kuan Yew dan Dr. Ismail bagi membincangkan perkara berhubung pemberontakan di Brunei. Rentetan itu, Dr. Ismail memaklumkan kebimbangan Kuala Lumpur atas apa yang terjadi dan mendesak agar anasir komunis di Singapura ditahan. Rundingan di London telah berlangsung pada 27 Jun 1963. Oleh itu, pada 9 Julai 1963 perjanjian mengenai Malaysia telah ditandatangani di rumah Malborough. Walau bagaimanapun, Sultan Brunei telah mengambil keputusannya untuk tidak menyertai Malaysia.

Selepas itu, pada 17 Ogos 1963 Rang Undang-Undang Malaysia telah dibawa ke Parlimen untuk pengesahan. Perdebatan hangat telah berlaku antara pihak kerajaan dan parti pembangkang berlaku. Zulkiflee Muhammad sekali lagi telah mempersoalkan akan kewajaran Singapura dimasukkan ke dalam Malaysia. Menurut wakil PAS kemasukan Singapura akan mengurangkan bilangan bangsa Melayu dan keselamatan orang Melayu terancam. Tun Abdul Razak juga telah melibatkan diri dalam perbahasan Rang Undang-Undang Malaysia dan beliau telah mengingatkan wakil PAS bahawa penubuhan Malaysia bertujuan mewujudkan keaamanan dan kesenangan bagi memberikan kemerdekaan kepada Singapura, Borneo Utara dan Sarawak.

Kemudian, rancangan asal untuk menubuhkan Malaysia pada 31 Ogos 1963 telah ditangguhkan bagi membolehkan keputusan rombongan rakyat ke Borneo Utara dan Sarawak benar-benar muh menyertai Malaysia. Oleh itu, Yang Dipertuan Agong telah menandatangani Pengisytiharan Diraja bahawa Malaysia akan dibentuk pada 16 September 1963. Walau bagaimanapun, Lee Kuan Yew telah membantah perubahan tarikh tersebut dan bertegas muh mengisyiharkan kemerdekaan Singapura pada 31 Ogos 1963 seperti yang terdapat dalam Rundingan London. Hal ini demikian kerana, perkara ini memberikan kejutan kepada Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj kerana Lee Kuan Yew tidak mempedulikan bantahan beliau.

Pada 31 Ogos 1963, Lee Kuan Yew telah mengisyiharkan kemerdekaan bagi Singapura. Tindakan Lee Kuan Yew telah menyebabkan hati Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj terluka. Oleh itu, pada 2 September 1963 Kabinet Kerajaan Persekutuan telah memutuskan bahawa tindakan Singapura mengisyiharkan kemerdekaan Singapura sebagai tidak sah dan tidak berpelembagaan. Malah, kabinet juga telah mengemukakan bantahan kepada kerajaan Inggeris.

Hal ini memperlihatkan Lee Kuan Yew telah menjadi seperti ‘Duri dalam Daging’ kerana mengambil kesempatan daripada kejujuran Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj bagi memenuhi segala agenda politiknya. Lee Kuan Yew telah dapat membebaskan Singapura dari penjajahan British melalui penubuhan Malaysia dan dapat melumpuhkan musuhnya dari parti politik yang berhaluan kiri serta berhaluan kanan. Selepas itu, PAP berusaha untuk memperkuuhkan pengaruhnya di Tanah Melayu dengan ‘Malaysia Malaysia’. Hal ini demikian kerana, ia menjelaskan hubungan Lee Kuan Yew dengan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj yang menyebabkan perpisahan Singapura daripada Malaysia pada 9 Ogos 1965.

Apabila Singapura mencapai kemerdekaan, Lee Kuan Yew telah memperkuuhkan kedudukan politiknya di Singapura. Akibat krisis politik telah menyebabkan kedudukan PAP dalam Majlis Legislatif menjadi agak lemah kerana PAP hanya mempunyai 25 kerusi daripada 51 kerusi. Dalam suasana di Singapura sedang rancak menyambut kemerdekaan Singapura, satu pilihan raya umum telah diadakan oleh Lee Kuan Yew pada 21 September 1963 dengan membuatkan Barisan Sosialis, UMNO, Parti Perikatan Singapura serta parti pembangkang lain dalam keadaan yang kelam kabut kerana hanya diberi masa sembilan hari untuk berkempeng.

Sehubungan itu, keputusan pilihan raya tersebut telah menyebelahi PAP dengan kemenangan selesa sebanyak 37 kerusi daripada 51 kerusi yang dipertandingkan. Manakala, UMNO-Perikatan telah kalah di Singapura dan ini telah memberi kejutan kepada Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj. Oleh itu, beliau amat kecewa kerana UMNO telah dikalahkan oleh calon Melayu dari PAP.

Harapan beliau untuk melihat UMNO Singapura untuk menjadi pembela kepada orang Melayu di Singapura hancur. Atas kekalahan tersebut, Syed Jaafar Hassan Albar telah meletakkan jawatannya atas kekalahan UMNO. Kemenangan yang diperoleh PAP telah disambut meriah di Singapura. Manakala, ibu pejabat UMNO di Geyland Serai telah diceroboh serta papan tanda UMNO telah diconteng juga dikoyak oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Kekalahan itu telah mengecewakan UMNO Singapura dengan perasaan yang sensitif hingga patung Lee Kuan Yew telah dibakar.

Selanjutnya, PAP telah menujuhkan sebuah kerajaan yang kuat hasil kemenangan dalam pilihan raya tersebut. Apabila selesa dan merasakan kedudukan PAP telah kukuh maka PAP berusaha mengembangkan pengaruhnya di Semenanjung Tanah Melayu. PAP juga telah menujuhkan cawangannya di Semenanjung bagi persiapan pilihan raya umum pada tahun 1964. Oleh yang demikian, Lee Kuan Yew menyatakan hasratnya untuk bergabung dengan UMNO tetapi tidak mahu menyertai Perikatan jika MCA dan MIC masih berada dalam Perikatan. Hal ini telah diselar oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj sebagai tidak bertanggungjawab dan akan memecah belahan Perikatan kerana UMNO akan tetap bersama MCA dan MIC untuk selamanya.

Pada 25 April 1964 telah diadakan pilihan raya dan kemenangan di Semenanjung telah berpihak kepada Perikatan sebanyak 89 kerusi daripada 104 kerusi yang dipertandingkan. Manakala, PAS memperoleh sembilan kerusi dan PAP hanya memenangi 1 kerusi Parlimen di Bangsar di mana calonnya adalah Devan Nair. Pemerhati politik pula menganggap campur tangan PAP di semenanjung sebagai satu kesilapan dan Lee Kuan Yew telah dipandang serong oleh Perikatan. Perasaan tidak puas hati UMNO membawa apabila awal Mei 1964 orang-orang Melayu Singapura telah diarahkan berpindah. Antara kawasan yang terlibat adalah di Java Road dan Palembang Road. Keadaan semakin parah apabila arahan berpindah itu tersebar ke kawasan Kailang West Coast dan Kampung Bendong. Oleh itu, Abdul Rahman Din selaku ketua UMNO cawangan Rochore telah menyifatkan arahan perpindahan tersebut bersifat kejam terhadap orang Melayu Singapura.

Impaknya, rusuhan telah berlaku pada 21 Julai 1964 di mana orang Islam telah berkumpul di padang untuk menyambut Hari Keputeraan Nabi Muhammad S.A.W. Perhimpunan tersebut dipandang serius oleh Lee Kuan Yew kerana risalah-risalah haram yang dikeluarkan oleh Kesatuan Kemajuan Islam telah diedarkan di Kampung Gelam supaya menghancurkan kerajaan diktator PAP. Rentetan itu, hubungan Singapura dan Kuala Lumpur bertambah tegang apabila Lee Kuan Yew mengumumkan untuk menujuhkan parti politik bagi menentang Parti Perikatan pada Pilihan Raya Umum Ke-4 yang akan diadakan pada tahun 1969. Oleh itu, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj beranggapan bahawa tindakan Lee Kuan Yew telah mencabar ketuanan Melayu. Beliau telah mengingatkan Lee Kuan Yew tentang pengorbanan UMNO menerima Singapura ke dalam Malaysia walaupun dibantah oleh ahli UMNO dan juga PAS.

Malah, Lee Kuan Yew sama sekali tidak mempedulikan peringatan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dan meneruskan kempen ‘Malaysia-Malaysia’ dan bertekad untuk memastikan MSC berjaya dalam pilihan raya yang akan diadakan pada tahun 1969 untuk menjatuhkan Parti Perikatan. Kemuncak kepada kekeruhan antara kerajaan Singapura dan Kuala Lumpur apabila diadakan Persidangan Dewan Rakyat pada akhir bulan Jun 1965. Lee Kuan Yew telah membawa usul ucapan Agong yang dipinda kerana kesal akan kepentingan ‘Malaysia-Malaysia’ tidak disebutkan

di dalam ucapan Agong. Hal ini telah mencatat sejarah dalam masa yang sama arus perdebatan pelbagai perkara sensitif yang melibatkan sentimen perkauman telah dibangkitkan.

Konklusinya, buku ‘Duri dalam Daging Singapura dalam Malaysia’ adalah kisah yang menunjukkan betapa Melayu itu bangsa yang kuat dan sentiasa bertolak ansur dengan bangsa lain. Malah, pengorbanan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj sebagai pemimpin UMNO dan pejuang kemerdekaan negara kita amat besar sekali. Manakala, kemasukan Singapura ke dalam Malaysia hanya sebagai permainan politik Lee Kuan Yew yang mementingkan kedudukan politiknya sahaja. Kebaikan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj telah dipergunakan oleh Lee Kuan Yew. Oleh itu, segala pengorbanan yang telah dicurahkan oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj perlu dihargai dan dikenang oleh generasi hari ini.

Siti Noridayu Abd Nasir